



## ARTIKEL BDCB

# PEMBAYARAN SECARA DIGITAL DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM SIRI 1 – KELEBIHAN PEMBAYARAN SECARA DIGITAL

---

### Impak COVID-19 Pada Pembayaran Secara Digital

Penularan COVID-19 dan arahan-arahan 'teranah di rumah' dan penjarakan social yang berkaitan telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pembayaran secara digital. Ini termasuk pembayaran yang dibuat melalui Internet dan saluran mudah alih. E-dagang dan dagang mudah alih (*mobile commerce*) telah meningkat pada kadar yang pantas kerana para pelanggan lebih memilih untuk membeli belah secara atas talian. Ramai peniaga juga telah mengambil peluang ini untuk meningkatkan keuntungan dengan menyertai tren tersebut. Mengambil kira pembayaran secara atas talian memerlukan sedikit atau tiada kontak, atau tidak memerlukan sebarang interaksi fizikal, pembayaran secara digital adalah satu kaedah pembayaran yang dapat dipraktikkan sambil mengamalkan penjarakan sosial.

### Oleh itu, Marilah Kita Menuju Ke Arah Digital!

BDCB akan mengongsikan beberapa artikel mengenai pembayaran digital di Negara Brunei Darussalam, yang merangkumi kelebihan-kelebihannya, jenis-jenis perkhidmatan dan platform pembayaran digital yang ditawarkan di Negara ini, dan cara-cara untuk menggunakannya dengan selamat.

### Kelebihan Pembayaran Secara Digital

Kemudahan dan kecekapan. Pembayaran secara digital adalah mudah dan cekap. Pengguna tidak lagi perlu membawa wang tunai fizikal pada setiap masa. Mereka juga dapat menjimatkan masa kerana tidak perlu beratur di kaunter perkhidmatan untuk menguruskan pembayaran bil-bil.

Dari segi keselamatan, memegang atau membawa wang yang banyak atau bernilai tinggi, atau cek yang berjumlah besar boleh menyebabkan individu terdedah kepada masalah-masalah seperti tersalah letak wang atau menjadi mangsa curi. Pembayaran digital adalah lebih Selamat kerana kawalan teknologi dan langkah-langkah keselamatan yang digunapakai, seperti pengesahan identiti pelanggan dan kawalan akses.

Mudah memantau dan mengurus kewangan. Pembayaran secara digital dapat membantu memudahkan penyimpanan rekod dan pengurusan kewangan seperti penyediaan bajet, penyimpanan secara aktif melalui arahan debit secara langsung dan sebagainya.

Bagi sebarang pertanyaan, pihak orang ramai bolehlah menghubungi 2388388 atau e-mel di [info@bdcb.gov.bn](mailto:info@bdcb.gov.bn)

### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 23 Muharram 1442H / 11 September 2020M

Rujukan: BDCB/COMMS/5